

**PGPF Sokong Perarakan Global Ke Baitulmaqdis  
Bernama  
29 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) menyokong dan memberi sokongan padu kepada acara 'Perarakan Global Ke Baitulmaqdis (GMJ) yang dijadualkan berlangsung pada Jumaat.

Pengerusinya Tan Sri Norian Mai berkata tarikh itu penting kerana ia juga tarikh sambutan 'Hari Tanah' - hari untuk mengingati tindakan mencuri dan merampas tanah Palestin secara rakus di seluruh wilayah yang diduduki rejim Zionis dan di Israel.

"Baitulmaqdis, yang menjadi teras perjuangan rakyat Palestin, menjadi contoh ketara mengenai pendudukan. Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) dan Mahkamah Keadilan Antarabangsa menyifatkan tindakan merampas Baitulmaqdis Timur sebagai perbuatan yang melanggar undang-undang antarabangsa, tetapi tiada langkah diambil untuk memperbetulkan ketidakadilan ini.

"Kempen penghapusan etnik oleh Zionis di Baitulmaqdis dan di kawasan lain di Palestin yang diduduki, semakin berleluasa, manakala skim penempatan yang sedang dilaksanakan bertujuan mengubah keadaan demografi, sosial dan geografi di wilayah yang diduduki," katanya dalam kenyataan di sini Khamis.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655759>